



Tuah **berasas** bahasa Mauri

■ Pensyarah UPM yakin Hang Tuah bukan nama asal pahlawan terbilang

Oleh Syazwan Msar

mohdsyazwan@hmfro.com.my

Kuala Lumpur

Perkataan Tuah digunakan sejak 2,000 tahun lalu berdasarkan bahasa Mauri yang juga cebisan bahasa Melayu, sekaligus menolak andaian sesetengah pihak yang mengatakan ia mula diperkenalkan pada abad ke-16.

Pensyarah Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia (UPM)

Profesor Emeritus Dr Hashim Musa berkata, berdasarkan kajiannya, perkataan tuah adalah daripada bahasa keluarga pertuturan masyarakat Melayu polenisia dahulu iaitu di Mauri, Hawaii dan Tonga.

Beliau berkata, penggunaan bahasa Melayu sangat meluas dan dituturkan di banyak negara dengan pelbagai perkataan digunakan menyebabkan sesetengah daripadanya dianggap ba-

ru bagi masyarakat Malaysia.

“Ejaan ‘Tuwha’ atau tuah adalah daripada bahasa Mauri iaitu serpihan bahasa Melayu induk yang membawa maksud memberi hadiah atau pertolongan kepada orang miskin dan susah sejajar dengan keperibadian

Hang Tuah yang juga dikaitkan dengan seorang pemu-rah.

“Penggunaan ‘Hang’ pula adalah disebabkan pahlawan Melayu itu berasal dari Bintan, Indonesia, ia gelaran atau untuk lelaki, manakala perempuan pula ‘Dang’.

“Masyarakat Melayu

FAKTA
‘Tawha’ bermaksud memberi hadiah atau pertolongan kepada orang miskin dan susah

Laksamana Riau, Indonesia, juga meng-

gunakan gelaran yang sama dan mereka kebanyakannya berasal dari keturunan Bugis,” katanya, ketika dihubungi, semalam.

Dr Hashim berkata, beliau tidak menolak ada perkataan Tuah bermaksud pemimpin atau ketua yang sudah lama wujud iaitu kira-kira 500 tahun lalu, namun ia bukan nama asal kepada pahlawan Melayu itu.

Sebelum ini, Karyawan Tamu Jabatan Sejarah Fakulti

Sastera dan Sains Sosial UM, Prof Emeritus Dr Ahmat Adam menerusi kajian filologi mengatakan perkataan Tuah hanya wujud selepas 100 tahun gelaran Tuha digunakan pada pahlawan itu berdasarkan ejaan ‘ta’ ‘wa’ dan ‘ha’.

Malah, beliau menyangkal kewujudan Hang Tuah dan menganggapnya sebagai mitos atau dongeng yang diceritakan sejak turun-temurun.